

Hari 12 | Nuristan di Afghanistan

Tempat yang sukar dicapai

Statistik-statistik Nuristan:
Jumlah Penduduk :
Anggarannya di antara 100,000 -
300,000

Kawasan yang paling sukar dilalui di antara wilayah-wilayah Afghanistan, Nuristan merupakan 'tulang belakang' banjaran pergunungan Hindu Kush di bahagian timur-laut Afghanistan. Kemuncak-kemuncak gunung yang diselubungi salji setinggi 5,500 meter dikaitkan oleh lembah-lembah yang dalam di mana

tempat-tempat kediaman yang diperbuat daripada batu, tanah dan kayu berasak-asak di lereng gunung.

Oleh kerana jalan ke tempat mereka sukar dilalui dan juga kerana permusuhan yang lama berkekalan dengan suku-suku Pashtun yang berdekatan, orang-orang Nuristan tetap terasing dari orang-orang luar dan kawasan ini masih tidak maju. Tiada perkhidmatan perubatan, hanya sebilangan kecil sekolah-sekolah yang berfungsi, dan di kebanyakan tempat tidak ada laluan untuk kenderaan. Jalan ke banyak

kampung-kampung ini tidak dapat dilalui semasa musim sejuk.

Pada tahun 1865, dua orang Pashtun menghadapi risiko yang besar kepada diri mereka sendiri untuk membawa Injil kepada orang-orang Nuristan. Pada masa itu Nuristan seolah-olah suatu pulau animisme yang dikelilingi oleh lautan Islam Asia Tengah. Pesanan mereka diterima dengan penuh semangat oleh orang-orang Nuristan, yang juga telah mengajak pengajar-pengajar yang lain untuk kembali dan mengorganiskan

Hari 12 | Nuristan di Afghanistan

selanjutnya tentang Berita Baik. Malangnya, tiada yang kembali melakukannya. Tiga puluh tahun kemudiannya, mungkin dengan menggunakan maklumat yang diberikan oleh pihak British, Amir Kabul telah menyerang Nuristan, memaksa orang-orang di sana menjadi penganut Islam. “Tanah orang-orang kafir (yang tidak percaya)”, seperti mana ia dikenali pada masa itu, diberi nama baru, iaitu “tanah terang surgawi”.

Pada tahun 2007, kawasan ini masih amat memerlukan

bantuan. Penghasilan makanan di sini tidak mencukupi, jangkaan hidup (perhitungan jumlah tahun hidupnya seseorang dalam suatu kelompok tertentu) sangat rendah dan kadar kematian semasa melahirkan anak adalah di antara yang tertinggi di dunia. Nuristan Timur, yang merupakan tempat persembunyian Taliban dan Al-Qaeda, sering diserang, bukan hanya orang-orang tempatan tetapi juga orang-orang asing yang cuba mencari kerja di sana.

Kawasan-kawasan yang lain tidak bersepatat oleh kerana ketidakpercayaan di antara satu

sama lain, permusuhan yang berpanjangan, ketidakampunan, kegiatan perompak-samun, dan juga ketakutan akan alam roh. Dewa peperangan, yang banyak disembah sebelum kedatangan Islam, kelihatan masih berkuasa di kawasan lembah ini. Namun, orang-orang ini tidak pernah dilupai oleh Tuhan Kasih kita yang telah merancang perkara yang besar untuk orang-orang Nuristan (Yesaya 9:2).

Selama lebih 20 tahun, keinginan menjangkau orang-orang Nuristan telah

bertumbuh. Terdapat visi untuk melihat puak-puak yang telah lama bermusuhan diubah oleh pesanan Tuhan tentang kasih karunia, kasih dan juga pengampunan. Projek-projek kemajuan yang praktikal sangat diperlukan di sini. Oleh kerana perjalanan ke tempat ini sangat sukar, ini telah sering kali menghalang orang luar melawat kawasan ini, tetapi ramai merasakan bahawa waktu Tuhan untuk orang-orang Nuristan akan tiba tidak lama lagi. Cabarannya besar, tetapi Tuhan kita lebih besar lagi daripada cabaran itu.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar lebih ramai pekerja, terutamanya dalam bidang perubatan, yang rela bekerja di tempat yang sukar, dapat mencari jalan untuk pergi ke tempat ini. Berdoalah untuk pemahaman, hikmat dan perlindungan bagi mereka yang bekerja di sana.

* Berdoalah untuk perhubungan dengan 'orang-orang yang layak' yang dapat membuka pintu kepada Berita Baik (Mat. 10:11).

* Berdoalah untuk mimpi-mimpi dan penglihatan tentang Yesus untuk menyediakan

orang Nuristan menerima pesananNya.

Berdoalah juga untuk

Pejuang-pejuang Taliban di Afghanistan memerlukan Kristus. Mereka digerakkan oleh beberapa perkara tertentu, akan tetapi mereka semua perlu menangkap visi tentang kerajaan Kristus. Semoga mereka akan sedar bahawa kehendak Tuhan yang baik dan benar dapat dicapai di bumi seperti di syurga (Mat. 6:10).

www.30-days.net